

Boleh ambil peperiksaan ulangan

■ Pelajar UTHM terjejas banjir
dibenarkan duduki semula ujian

Batu Pahat

H. Metro
29/12/2014

Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang terjejas banjir di seluruh negara dibenarkan menduduki peperiksaan ulangan selepas bencana itu berakhir nanti.

Pendaftar UTHM Abdul Halim Abdul Rahman berkata, pihaknya bekerjasama dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) universiti untuk mengenal pasti jumlah sebenar mahasiswa yang tidak dapat menduduki peperiksaan semester bermula semalam hingga 17 Januari depan.

“Setakat ini, 91 mahasiswa yang terjejas akibat banjir memaklumkan kepada pihak universiti termasuk 67 orang di Kelantan dan 11 di Pahang,” katanya.

Abdul Halim berkata, mereka yang terjejas diminta menghubungi bilik gerakan universiti di talian 07-4533442 untuk memaklumkan situasi masing-masing.

Menurutnya, mahasiswa yang berada di kampus, namun keluarga mereka terbabat dengan banjir juga dipertimbangkan untuk menduduki peperiksaan ulangan.

“UTHM memahami situasi mereka yang ada antaranya tidak dapat menghubungi keluarga ma-



“Setakat ini, 91 mahasiswa yang terjejas akibat banjir memaklumkan kepada pihak universiti”

Abdul Halim

sing-masing di kampung untuk mengetahui keadaan sebenar. Jadi, bagi mengelak mereka hilang fokus dalam menduduki peperiksaan kita benarkan mereka mengambil peperiksaan ulangan,” katanya.

Beliau berkata, setakat ini 16 mahasiswa memohon pengecualian daripada menduduki peperiksaan semester. - BERNAMA